



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1962](#) > [January](#) > [12](#) > [Page 2](#) > [Ahli2 UMNO yang keluar sekarang telah rujo'](#)



Ahli2 UMNO yang keluar sekarang telah rujo'

Berita Harian, 12 January 1962, Page 2

Share    

Save Citation

[<<](#) [Previous Article](#) [Next Article](#) [>>](#)

Ahli2 UMNO yang keluar sekarang telah rujo'

KAJANG, Khamis. — Sa-ramai 10 orang ahli UMNO Kampong Sebelas Sungai Merab 8 batu dari Kajang yang keluar dari UMNO beramai2 pada bulan yang lalu telah rujo' kembali menjadi ahli UMNO Bahagian Sepang. Inche' Abdul Rahim bin Haji Amin salah sa-orang ahli UMNO yang keluar beramai2 itu menyatakan kepada Berita Harian bahawa sebab-nya mereka rujo' kembali kepada UMNO ia-lah yang di-Pertua UMNO Bahagian Sepang, Dato' Abu Bakar Baginda telah pun menimbangkan permintaan ahli2 UMNO Kampong Sebelas untok menubuhkan chawangan mereka tidak lama lagi. Menurut Inche' Abdul

Rahim, dalam satu perjumpaan dengan Dato' Abu Bakar Baginda baru2 ini beliau sendiri memberi jaminan bahawa satu chawangan UMNO Kampong Sebelas akan di-benarkan untok di-tubuhkan sachara bersendirian.

Bersengkita



Inche' Abdul Rahim juga menerangkan bahawa ahli2 UMNO Kampong Sebelas tidak pernah bersengkita dengan Yang di-Pertua UMNO Bahagian Sepang Dato Abu Bakar Baginda, dan ahli UMNO di-kampong ini tetap patoh pada beliau.

Ahli2 UMNO Kampong Sebelas keluar menjadi ahli UMNO Chawangan Sungai



Merab ia-lah kerana tidak puas hati dengan Setia Usaha UMNO Bahagian Sepang, Inche' Jantan bin Hitam.

Inche' Abdul Rahim juga menerangkan bahawa di-satu masa dahulu Inche' Jantan telah memberikan-nya kuasa dan borang2 untok mengambil ahli UMNO yang baru, dan berjanji akan menubuhkan satu Chawangan UMNO Kampong Sebelas.

Sa-telah berusaha beberapa bulan beliau telah mendaftarkan sa-ramai 70 orang ahli UMNO yang baru. Tetapi dalam satu mesuarat jawatan kuasa pada 17 December yang lalu penubohan. UMNO kampong ini telah di-tolak oleh jawatankuasa UMNO Bahagian Sepang.



NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31